

PROSEDUR PERMOHONAN PEGUAM SYARIE

- (1) Permohonan untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa dengan menggunakan borang yang ditetapkan dalam Jadual 1.
- (2) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan –
 - (a) akuan berhubung kelakuan baik yang disokong oleh dua orang pengadil (seorang daripadanya ialah majikan pemohon, jika ada);
 - (b) akuan bersumpah tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia;
 - (c) akuan bersumpah tidak pernah diisytiharkan bankrap atau didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di bawah seksyen 33 (6) (a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360];
 - (d) jika berkenaan, salinan Sijil Amalan Guaman di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166];
 - (e) salinan ijazah dan diploma; dan
 - (f) akuan telah tamat latihan dalam kamar selama enam bulan.